

11 MAR 1996  
Finland-Pendidikan  
KERJASAMA PENDIDIKAN ASIA-EROPAH BERTAMBAH KUKUH

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Cadangan Malaysia mengenai program universiti Asia-Eropah diperkukuhkan lagi dengan berlangsungnya dialog antara pihak berkuasa pendidikan Finland dan Malaysia di sini hari ini.

Satu rombongan 35 anggota dari Finland berbincang dengan para pegawai Kementerian Pendidikan dan pakar pendidikan mengenai pendidikan peringkat tinggi teknikal dan ekonomi.

Dialog itu tepat pada waktunya dan relevan kepada Malaysia kerana Rangka Rancangan Jangka Panjang yang kedua meramalkan bahawa Malaysia akan memerlukan kira-kira 56,600 jurutera dalam tahun 2000, kata Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan Datuk Dr Johari Mat kepada pemberita selepas perbincangan itu.

Malaysia dan Finland sepatutnya menggunakan sepenuhnya kekuatan dan peluang-peluang yang wujud dalam sistem pendidikan tinggi masing-masing, katanya.

Johari berkata kerajaan telah meminta kementerian itu menjadi pemimpin dalam mewujudkan pusat bagi Pengajian Asia dan Asia Timur dan program berkembar antara universiti-universiti Eropah dan Asia.

Pada Mesyuarat Asia-Eeropah di Bangkok awal bulan ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mencadangkan supaya universiti-universiti Eropah mewujudkan program berkembar dengan universiti di Asia ataupun membuka cawangan di Asia di bawah program universiti Asia-Eropah.

Menurutnya, Malaysia kini mempunyai 26,500 jurutera.

"Institusi-institusi pengajian tinggi tempatan hanya mampu mengeluarkan 21,000 orang jurutera. Masih wujud jurang dan keperluan mengeluarkan 9,100 orang lagi jurutera dari sumber-sumber lain," katanya.

Katanya permintaan untuk pembantu jurutera adalah lebih tenat, dengan ramalan permintaan sebanyak 195,300 tenaga mahir menjelang tahun 2000 berbanding ramalan pengeluaran 156,470 orang oleh institusi-institusi tempatan.

Katanya menerusi tumpuan kepada pendidikan teknikal dan vokasional, Finland mampu membantu Malaysia dalam bidang latihan yang diperlukan di negara ini.

Katanya Malaysia memberi perhatian sama penting kepada keperluan mengeluarkan pengurus dan ahli ekonomi yang baik untuk mengurus, mengekal dan meningkatkan pembangunan ekonomi sekarang.

"Usaha berterusan perlu dibuat untuk mewujudkan peluang-peluang dan kerjasama ekonomi antara kedua-dua negara dan melahirkan keadaan yang menguntungkan Malaysia dan Finland," katanya.

Ketua delegasi Finland Jukka Lahtinen berkata lawatan itu sebahagian daripada strategi negaranya untuk melatih pakar dalam pengurusan dan budaya niaga Asia.

Satu program dikenali sebagai "Mempromosi Industri Baru Menerusi Pendidikan" yang dilancarkan dalam 1992 telah diperkembangkan ke peringkat antarabangsa untuk melahirkan rangkaian pendidikan-industri antarabangsa bagi politeknik-politeknik Finland, khususnya di Eropah, Asia Pasifik dan Rusia, katanya.

Menerusi projek pilot Asia Pasifik, sekumpulan politeknik mula melatih kakitangan sebagai penghubung dengan Asia, memajukan kurikulum bagi meningkatkan pengetahuan pelajar mengenai Asia Pasifik dan mewujudkan program pertukaran pelajar dan kakitangan.

Lahtinen berkata perdagangan antara Finland dan Malaysia seimbang dan

Malaysia dikatakan negara tunggal di Asia yang mempunyai imbangan dagang seumpama itu dengan negaranya.

Menurut beliau, import dan eksport antara kedua-dua negara meningkat 200 peratus kepada AS\$450 juta tahun lepas, berbanding 1990.

Universiti-universiti Finland menawarkan sehingga 200 program dalam teknologi maklumat dan telekomunikasi, barangan perhutanan dan berasaskan perkayuan, penapisan minyak dan pentadbiran perniagaan di peringkat ijazah dan ijazah lanjutan, katanya.

Negara Nordik itu, dengan keluasan tanah 338,000 km per segi dan penduduk melebihi sedikit lima juta orang, mempunyai 28 politeknik dan 21 universiti. -- Bernama.

HS YBY AHH